

03 OCT 2003

Bomba-Bot

LIMA BOT PADAM KEBAKARAN BOMBA MULA BEROPERASI HUJUNG TAHUN INI

LANGKAWI, 3 Okt (Bernama) -- Jabatan Bomba dan Penyelamat bakal dilengkapi lima bot bagi memadam kebakaran, operasi mencari dan menyelamatkan serta mengawal tumpahan minyak.

Bot sepanjang 11 meter itu, yang dibina syarikat tempatan Destination Marine Services Sdn Bhd dengan setiap satu berharga RM1.8 juta, sedang dalam proses ujian jabatan berkenaan dan dijangka beroperasi penghujung tahun ini.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) jabatan itu Datuk Hamzah Abu Bakar berkata, bot-bot berkenaan akan ditempatkan di kawasan pesisir pantai dan pulau seperti Langkawi dan Tioman.

"Perolehan bot itu memperlengkapkan lagi Unit Penyelamatan di Air Jabatan Bomba yang setakat ini mempunyai 450 anggota penyelam, 100 bot penyelamat dan 200 jet ski kuasa tinggi," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke sebuah daripada bot itu di Telaga Harbour Park di sini, hari ini.

Dr Mahathir yang berada di Langkawi sejak Selasa sempena Pameran Maritim dan Udara Antarbangsa Langkawi (Lima 2003) sebelum itu meninjau projek pembangunan marina kapal layar Telaga Harbour Park, di Pantai Kok.

Hamzah berkata 30 pegawai jabatan itu telah dilatih untuk mengendalikan bot berkenaan.

Setiap bot dikendalikan empat pegawai, dilengkapi tangki buih berkapasiti 500 liter, tangki air 100 liter, pam yang berkeupayaan menjana 2,000 liter air seminit dan keupayaan semburan air sejauh 70 meter, katanya.

Bot itu diberi sempena nama ikan iaitu Dolphin, Todak, Merlin, Sting Ray dan Selayang.

-- BERNAMA

MZM ROS